



# DANA KANDUNGAN DIGITAL (SEKTOR FILEM) DANA DOKUMENTARI KENEGARAAN (SENI BUDAYA & WARISAN)



**Dana Dokumentari Kenegaraan (Seni Budaya & Warisan)**  
dana dokumentari bersiri 60 minit berkaitan penerbitan dokumentari yang memaparkan keunikan dan keaslian seni budaya dan warisan pelbagai kaum 'Keluarga Malaysia'.

## OBJEKTIF

- Memelihara khazanah seni budaya warisan setempat pelbagai kaum di Malaysia menerusi penerbitan dokumentari yang bermutu tinggi dan unik;
- Memperkasakan kemahiran dan keupayaan produksi tempatan untuk menghasilkan karya yang berkualiti dan diterima di peringkat antarabangsa berteraskan paparan konsep Keluarga Malaysia;
- Meningkatkan peluang pekerjaan komuniti dan karyawan melalui karya kreatif;
- Merangsang kreativiti penggiat melalui eksplorasi idea dan karya.

## TAKRIFAN KENEGARAAN (SENI BUDAYA & WARISAN)

Paparan perihal amalan kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, bebas mengamalkan keunikan adat, seni dan budaya masing-masing. Namun tetap bertunjangan kekuatan, perpaduan dan keharmonian menerusi pematuhan Perlembagaan dan Rukun Negara bagi membentuk 'Keluarga Malaysia' yang dinamik dan berjati diri.

## PELAKSANAAN PROGRAM

- Syarikat Pemohon boleh memohon melalui *online* di website FINAS [www.finas.my](http://www.finas.my) atau di <http://sppik.finas.my/>;
- Urusetia DKD akan melakukan saringan awal permohonan menerusi SPPIK dan menyenaraipendek syarikat-syarikat yang berpotensi untuk terlibat di bawah program ini dan membentangkan senarai tersebut kepada pihak FINAS;
- Hanya syarikat yang terpilih sahaja akan dipanggil untuk sesi *pitching* kepada Jawatankuasa Kandungan dan Teknikal DKD sebelum diangkat ke Jawatankuasa Pelulus DKD di K-KOMM bagi mendapatkan kelulusan;
- Wakil stesen penyiar akan dijemput sebagai Panel di dalam Jawatankuasa Kandungan dan Teknikal dan Jawatankuasa Pelulus DKD;
- FINAS akan mengeluarkan Surat Tawaran dan Perjanjian kepada syarikat yang berjaya.

## TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM

Tempoh pelaksanaan Program Dana Dokumentari Kenegaraan (Seni Budaya & Warisan) (Dana dokumentari bersiri: 60 minit) ini adalah selama 12 bulan bermula dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) diberikan.

## SYARAT PERMOHONAN

- i. Pemohon adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia (Syarikat Sdn Bhd)
- ii. Lebih daripada 51 % pemilikan sah dan benefisial pemohon terletak hak pada warganegara Malaysia
- iii. Terbuka kepada syarikat produksi yang layak kecuali penerima dana - dana FINAS dan PELAKSANA yang belum menerima surat penutupan projek daripada FINAS/Stesen TV
- iv. Pemohon wajib mempunyai Lesen (Pengeluaran & Pengedaran) FINAS
- v. Setiap syarikat hanya boleh memohon satu permohonan projek sahaja
- vi. Pemohon hanya boleh mengemukakan permohonan baru selepas tiga (3) bulan dari tarikh penutupan projek yang dikeluarkan oleh FINAS dan telah disiarkan di mana-mana platform
- vii. Projek yang dimohon adalah projek yang bersedia untuk penggambaran
- viii. Tempoh Pelaksanaan Projek



12 bulan dari Surat Tawaran dikeluarkan

## PERBATUAN DANA KENEGARAAN (SENI BUDAYA & WARISAN) DENGAN KERJASAMA RTM

### PERBATUAN 1 (10 %)

Penghantaran bahan pra produksi:

- Pengesahan jumlah bajet
- Skrip akhir / setiap episod
- Senarai krew dan pelakon
- Pengesahan lokasi penggambaran

### PERBATUAN 2 (30 %)

Sebelum penggambaran:

- Pengesahan jadual penggambaran, lokasi, *shooting script* & borang pelepasan hak (berkaitan penggambaran)
- Sijil perakuan penggambaran (SPP)
  - Kontrak akhir krew dan pelakon
- Pengesahan akuan persiapan penggambaran

### PERBATUAN 3 (40 %)

*Assembly cut* (Dokumentari) / *Offline* (Filem dan lain-lain)

### PERBATUAN 4 (20 %)

Selepas *output* akhir (DCP) & diluluskan oleh LPF/penyiar

## IMPLIKASI KEWANGAN

Pembiayaan DANA DOKUMENTARI KENEGARAAN (SENI BUDAYA & WARISAN) ini sehingga RM 250,000 termasuk aktiviti pra-produksi, penggambaran, pasca-produksi dan pelan pengiklanan serta pemasaran bagi syarikat tersebut.

DOKUMEN YANG **TIDAK LENGKAP**  
**TIDAK AKAN** DIPROSES UNTUK  
*SESI PITCHING*

SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, E-MEL KE:

infodkd@finas.my (Unit Sekretariat DKD)

SARAWAK- maffizan@finas.my (En. Maffizan)

SABAH- drusella@finas.my (Cik Drusella)



[www.finas.gov.my](http://www.finas.gov.my)



FinasMalaysia



FinasMalaysia



FinasMy



FINAS Malaysia